

MESTI BACA


Bahan Atom, Bahan Molekul dan Bahan Ion

1. Bahan boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan berdasarkan jenis zarah yang terkandung di dalamnya.
2. Bahan atom mengandungi zarah atom sahaja. Contoh: emas, helium
3. Bahan molekul mengandungi zarah molekul yang merupakan gabungan dua atau lebih atom secara kimia. Contoh: air, oksigen
4. Bahan ion mengandungi ion positif dan ion negatif. Contoh: natrium klorida (garam)
5. Terdapat juga unsur yang sama yang wujud dalam bentuk yang berbeza. Seperti contoh:
 - (a) unsur ferum wujud dalam bentuk atom dan ion.
 - (b) unsur hidrogen wujud dalam bentuk ion dan molekul.


JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

5. Rajah di bawah menunjukkan jenis-jenis zarah yang terdapat dalam bahan.



Bahan R



Bahan S

- (a) Berdasarkan rajah di atas, nyatakan bahan R dan bahan S.

Bahan R: _____

Bahan S: _____

- (b) Rajah di bawah menunjukkan dua jenis bahan.



Air



Garam

- (i) Nyatakan jenis zarah yang membentuk

air: _____

garam: _____

- (ii) Berikan satu contoh bahan lain yang terbentuk daripada jenis zarah yang sama seperti air.

- (c) Berikan satu contoh unsur yang wujud dalam bentuk atom dan ion.

PILIHAN JAWAPAN

Bagi soalan 5(a) - (c)

bahan molekul

oksigen

molekul

ferum/hidrogen

bahan ion

ion